

# Konflik remaja hari ini disebabkan kewibawaan institusi keluarga

## Mudah terpengaruh anasir luar, rakan sebaya



**Anwar  
Patho Rohman**

wananwar@bharian.com.my

**M**INGGU lalu, Polis Bukit Aman mendedahkan kanak-kanak dan perempuan berusia sembilan hingga 22 tahun adalah golongan paling ramai dilaporkan hilang oleh ibu bapa atau penjaga mereka sepanjang tahun lalu, membabitkan 726 daripada 1,097 orang.

Hasil soal siasat ke atas mangsa yang sudah ditemui semula dan keluarga mangsa yang masih hilang mendapati kebanyakan mangsa hilang disebabkan lari dari rumah kerana mengikut teman lelaki sama ada rakyat tempatan atau warga asing, pengaruh rakan sebaya disamping inginkan kebebasan kerana mahu lari daripada masalah keluarga.

Membaca statistik itu pastinya membuat kita terfikir apakah itu punca sebenar gejala lari dari rumah ini berlaku atau ada faktor lain yang mempengaruhi.

Jika dinilai suasana kehidupan keluarga hari ini, ada pihak beranggapan masalah anak lari dari rumah ini berlaku disebabkan kegagalan ibu bapa memainkan peranan mendidik, mengasuh dan memupuk peribadi mengikut landasan agama dan moral.

Ada pula pihak menyalahkan sistem pendidikan negara yang didakwa kurang menekankan aspek penghayatan ajaran agama Islam dan moral yang menjadikan gejala ini semakin berleluasa serta sukar dibendung.

Selain itu, ada juga pihak mendakwa pengaruh negatif dalam drama televisyen yang memaparkan adegan krisis dalaman keluarga, dialog yang menggunakan kata kesat dan tidak sopan ketika perang mulut antara anak dan ibu bapa yang kemudian disusuli tindakan anak merajuk lalu keluar rumah bertemu rakan turut dikatakan menjadi punca berlakunya kes anak lari dari rumah.

Tidak kurang juga yang menyalahkan siri kartun alih bahasa yang disiarkan dalam saluran televisyen hari ini mengajar anak merajuk, melawan cakap orang tua dan membentak serta mengugut ibu bapa untuk lari dari rumah sekiranya permintaan mereka tidak di-

menjadi punca semua gejala ini.

Jika kita dapat menyelami naluri ibu bapa ini, mereka juga sebenarnya mengeluh dalam hati kerana tidak dapat mengasuh, mendidik dan membelai anak sepenuh masa, namun terpaksa mengorbankan tanggungjawab itu kerana perlu menunaikan tanggungjawab lain bagi mencari rezeki.

Tidak ada ibu bapa yang rela melihat anak mereka diasuh dan dibesarkan oleh orang lain tetapi disebabkan desakan hidup yang menuntut setiap individu berusaha lebih dalam kerjaya menyebabkan mereka tiada pilihan lain terpaksa menghantar anak kepada pengasuh untuk dibela, mendapat kasih sayang dan didikan.

Senario ini jika dinilai dalam jangka panjang akan memberi kesan kepada anak. Mereka menjadi generasi yang mempunyai lebih banyak masa bersama pengasuh. Secara tidak langsung, mereka akan mengalami konflik dalam diri siapakah yang harus dicontohi dalam hidup kerana proses pembesaran yang mereka alami bercampur antara pengasuh dan ibu bapa kandung.

Hasilnya, ia akan mewujudkan sistem nilai yang bercelaru dalam diri anak apabila mereka menginjak usia dewasa. Oleh sebab itu, ada ketikanya, anak enggan mendengar teguran atau nasihat ibu bapa kandung kerana menganggap mereka tidak layak berbuat demikian kerana sepanjang mereka membesar, pengalaman ditegur, dimarah atau dinasihati ibu bapa tidak dirasakan dalam hidup mereka. Ini adalah realiti yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini.

Mengulas gejala ini, Pengarah Institut Sosial Malaysia, Prof Dr Mohamad Fadhil Che Din menjelaskan, ia bukan satu trend baru di kalangan remaja lari dari rumah, tetapi tetap mengganggapnya sebagai satu masalah yang amat membimbangkan.

Justeru, beliau mencadangkan ibu bapa mencari inisiatif untuk meningkatkan ilmu bagi mengurus dan menangani kerenah remaja yang mencabar pada zaman ini.

"Apa yang penting, ibu bapa perlu meningkatkan tahap pengawasan, kawalan dan ambil tahu kegiatan anak remaja yang sedang baru meningkat naik dari zaman kanak-kanak ke zaman remaja. Golongan ini sebenarnya keliru ketika mereka hendak beralih daripada fasa kanak-kanak ke zaman remaja," katanya.


Bagi remaja yang dalam peringkat per-

nuhi.

Apa yang pasti, teori anak lari dari rumah ini seperti didatangkan kepada masyarakat kita dalam satu pakej yang boleh meruntuhkan institusi keluarga, melemahkan jati diri, sistem nilai dan moral anak yang sedang membesar dalam suasana yang penuh krisis ketika ini jika tidak ditangani dengan bijaksana.

Adakah kita sedar bahawa golongan remaja yang terjebak dalam gejala ini rata-ratanya membesar dan meluangkan masa hidup mereka lebih lama bersama pengasuh berbanding bersama ibu bapa.


Ia disebabkan cara hidup keluarga hari ini menuntut ibu bapa keluar bekerja bagi menyara kehidupan sehingga terpaksa menyerahkan tugas mengasuh dan membimbing anak kepada pengasuh



*Tanpa didikan agama yang kukuh pada peringkat awal, sukar bagi ibu bapa untuk mengawal anak supaya mendengar kata apabila mereka mula beralih usia dari zaman kanak-kanak ke zaman remaja*

**Hamidi Abd Manan**


Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)



# abar luarga

B/H 2/4/12 MS 8/9.

ounca lari dari rumah



**BAPA, Mohd Sobri Samat bersama isteri dan anak bongsunya menunjukkan gambar anaknya, Nurul Nursyawaltie yang hilang dipercayai lari dari rumah bersama rakan Facebook ke Pulau Pinang.**

*Bapa tidak boleh lepas tangan atau ambil mudah tugas memimpin ahli keluarga, baru ahli keluarga hormat dan tidak melakukan perbuatan bertentangan agama, sekali gus dapat menjaga institusi keluarga*

**Mohd Ali Hassan**  
Pengerusi Majlis Permuafakatan  
PIBG Kebangsaan

alihan ini pula, beliau menasihatkan supaya belajar menerima hakikat pada usia semuda itu, mereka wajib mendengar, patuh dan akur nasihat atau teguran ibu bapa serta tidak bertindak mengikut desakan naluri yang inginkan kebebasan.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Hamidi Abd Manan pula menyarankan ibu bapa menanam kefahaman terhadap anak sejak kecil untuk hidup berlandaskan syariat Islam, menjadikan ibadah harian terutama solat sebagai satu nikmat dalam beragama dan

bukannya menganggap ia sebagai rutin harian semata-mata.

“Tanpa didikan agama yang kukuh pada peringkat awal, sukar bagi ibu bapa untuk mengawal anak supaya mendengar kata apabila mereka mula beralih usia dari zaman kanak-kanak ke zaman remaja,” katanya.

Sebaliknya, Pengerusi Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kebangsaan, Prof Madya Datuk Mohd Ali Hassan menegaskan yang bapa mesti memainkan peranan yang lebih pada zaman moden yang penuh cabaran


hari ini.

“Bapa mesti betul-betul menjalankan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga dengan mengawasi pergerakan serta tingkah laku anak. Sentiasa bertanya kepada anak dan juga isteri apa yang mereka lakukan setiap hari.

“Bapa tidak boleh lepas tangan atau ambil mudah tugas memimpin ahli keluarga, baru ahli keluarga hormat dan tidak melakukan perbuatan bertentangan agama, sekali gus dapat menjaga institusi keluarga,” katanya.



**AHNISAH** menunjukkan gambar adik bongsunya yang lari dari rumah bersama teman lelaki.



**LIM PENG SUM**, 52, menunjukkan gambar isterinya, Tjhang Sui Fong dan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang dihantar oleh wanita itu selepas melarikan diri.